



KLASIFIKASI PERKHIDMATAN DI MAJLIS PERBANDARAN Pengerang

SKIM PERKHIDMATAN	:	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
GRED	:	J9
KEKOSONGAN	:	1 (SATU)
JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM GAJI MAKSIMUM
		RM2,250.00 RM11,110.00

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari tahun 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA J9

- (c)
 - (i) Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred J9: RM2,690.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Geografi, Ekonomi, Sains Sosial, Antropologi atau Perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan dan Ijazah Sarjana atau Diploma Lulusan Ijazah dalam bidang Perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J9: RM2,690.00); atau

(iii)

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Awam dan Ijazah Sarjana atau Diploma Lulusan Ijazah dalam bidang Perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J9: RM2,910.00); atau

(iv) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina dan Ijazah Sarjana atau Diploma Lulusan Ijazah dalam bidang Perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J9: RM3,130.00).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

LATIHAN

4. Pegawai boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

5. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PEMBERIAN ELAUN DAN
KEMUDAHAN**

6. (a) Imbuhan Tetap Perumahan
(b) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
(c) Bantuan Sara Hidup

**PENAKLUKAN DI BAWAH
SYARAT-SYARAT
SKIM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Perancang Bandar Dan Desa adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

FUNGSI BIDANG TUGAS

8. Menjalankan perancangan, penyelarasan, pelaksanaan serta pemantauan inisiatif dan projek-projek berkaitan Bandar Pintar (*Smart City*) yang merangkumi penggunaan teknologi digital, pendigitalan perkhidmatan awam, dan peningkatan infrastruktur pintar bagi menjadikan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Pengerang lebih efisien, mesra rakyat, mampan, selamat dan berteknologi.